

# 'Statistik kes jenayah diperolehi IPK KL'

B.H M/S 7 12.4.07

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Johari Baharum menjelaskan bahawa perangkaan kes jenayah di daerah Sentul yang didehakkannya baru-baru ini diperolehi daripada Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur dan bukan rekaan.

Berikutan itu, beliau kecewa dengan kenyataan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Christopher Wan Soo Kee yang mempertikaikan peningkatan 90 peratus jenayah di kawasan itu dan mengemukakan angka yang berbeza.

"Saya dapat perangkaan daripada IPK KL, bukan daripada pihak yang tidak boleh dipercayai.

"Semuanya ada dalam statistik itu. Saya harap kita jangan salahkan sesiapa dalam soal jenayah ini. Saya harap beliau (Wan) proaktif dan ja-

ngan kita cuba nak memutarbelitkan perangkaan serta beri laporan yang tidak benar.

"Ini suatu yang mendukacitakan dan memalukan saya," katanya pada sidang media di pejabatnya, di sini, semalam.

Johari turut mengedarkan kepada wakil media salinan perangkaan Jenayah Indeks IPK Kuala Lumpur bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini dan tempoh sama 2006. Statistik itu merangkumi lima daerah iaitu Dang Wangi, Brickfields, Cheras, Sentul dan Putrajaya.

Kelmarin, Johari mengarahkan cuti semua pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul dibekukan berkuat kuasa serta merta berikutan peningkatan kes jenayah sehingga 90 peratus dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Johari yang mengeluarkan arahan itu selepas melawat IPD Sentul turut menetapkan sasaran tiga bulan untuk menangani permasalahan jenayah di ibu kota.

Mengulas lanjut, Johari berharap polis menerima kenyataan itu serta berusaha memperbaiki kelemahan dan bukan membuat kenyataan akhbar yang boleh mengelirukan.

"Polis kena kaji betul-betul, jangan kita nak bercanggah dalam hal ini kerana nanti rakyat keliru. Kita takut kalau Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sendiri tidak diberi perangkaan yang betul.



RAMOZAN MASJAM | BERITA HARIAN

**BUKTI PERANGKAAN:** Johari menunjukkan fail mengandungi statistik indeks jenayah yang diperolehi daripada IPK Kuala Lumpur, di Putrajaya, semalam.

"Apa juga maklumat mengenai jenayah mestilah betul walaupun ia menunjukkan kelemahan. Kita kena terima dan baik," katanya.

Ditanya bagaimana perangkaan yang diumumkankannya berbeza daripada Christopher, beliau berkata: "Perangkaan saya bukan berlandaskan 'hear say' atau saya dapat dari kedai kopi atau laman blog. Saya tak faham kenapa beliau membuat kenyataan berbeza dengan saya, saya tak tahu.

"Ada yang tidak kena...ini adalah

satu perkara serius yang perlu diambilkira oleh polis kenapa perangkaan tidak sama," katanya.

Sehubungan itu, Johari berkata, beliau sudah menghubungi Christopher supaya menemuinya secepat mungkin bagi memberi penjelasan mengenai perbezaan itu.

Ditanya kenyataan pihak tertentu bahawa beliau banyak membuat kenyataan 'menghentam' polis selepas di-siasat berhubung dakwaan rasuah, Johari berkata beliau tidak mempunyai konflik atau berdendam dengan polis.

## FAKTA NOMBOR

Indeks IPK Kuala Lumpur

90%

Peningkatan kes jenayah di Sentul

3 bulan

Tempoh pertama 2007